

- 1 Apakah peranan cap mohor dalam Kesultanan Melayu Melaka?
- A Mengesahkan arahan sultan
 - B Membezakan kedudukan sultan
 - C Mengangkat kewibawaan sultan
 - D Mengukuhkan kedaulatan sultan
- 2 Golongan rakyat merupakan elemen penting dalam pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.
Manakah antara berikut merupakan peranan rakyat?
- A Membina tempat tinggal pembesar
 - B Mematuhi segala arahan pemerintah
 - C Menyokong pemasyhuran seorang raja
 - D Mengawal keselamatan perairan kerajaan

- 3 Jadual berikut berkaitan dengan tindakan pemerintah Thailand.

Pemerintah Thailand	Tindakan
Raja Mongkut	Memperkenalkan sistem birokrasi Barat di Thailand
Raja Chulalongkorn	

Apakah kesan tindakan tersebut terhadap Thailand?

- A Memantapkan sistem pemerintahan
 - B Mengukuhkan kekuasaan rakyat
 - C Mengekalkan kedaulatan negara
 - D Menyaingi kuasa besar
- 4 Maklumat berikut merujuk kepada media cetak pada abad ke-20.

Fajar Sarawak

Bagaimanakah media cetak tersebut membangkitkan semangat nasionalisme penduduk tempatan?

- A Mengkritik dasar pemerintah
- B Mengungkap penindasan bangsa
- C Menjana pengamalan Islam sebenar
- D Mengetengahkan isu bahasa Melayu

[Lihat halaman sebelah

- 5 Maklumat berikut berkaitan pihak yang terlibat semasa Perang Dunia Pertama.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">● Pakatan Bertiga● Pakatan Kuasa Tengah |
|--|

Mengapakah pihak berkenaan terlibat dengan perang tersebut?

- I Penaklukan Jerman
 - II Pengeboman Britain
 - III Persaingan kuasa Imperialis
 - IV Pembentukan pasukan ketenteraan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 6 Ekonomi Tanah Melayu semakin merosot semasa pentadbiran Jepun antara tahun 1943-1945.
- Bagaimanakah pentadbiran Jepun mengatasi keadaan tersebut?
- A Melahirkan tenaga mahir
 - B Mengimport bahan makanan
 - C Memperkenalkan ekonomi kawalan
 - D Menghentikan perdagangan antarabangsa
- 7 British Military Administration (BMA) di Tanah Melayu bermula pada 12 September 1945 setelah tentera Jepun menyerah kalah.
- Apakah tugas BMA?
- I Memulihkan kepercayaan rakyat
 - II Mengembalikan kestabilan
 - III Memberi latihan kepimpinan
 - IV Melicinkan sistem pentadbiran
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

[Lihat halaman sebelah

- 8 Jadual berikut menunjukkan bilangan orang Melayu yang terlibat dalam demonstrasi menentang Malayan Union.

Tempat	Bilangan
Batu Pahat, Johor	20 000 orang
Kota Bharu, Kelantan	10 000 orang

- Mengapakah mereka bertindak demikian?
- A Sistem pentadbiran negara disatukan
B Konsep Raja Berperlembagaan diperkenalkan
C Syarat kerakyatan dilonggarkan
D Majlis Raja-Raja Melayu dibubarkan
- 9 Apakah faktor yang menyebabkan British menggantikan Malayan Union dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- A Menghalang desakan orang dagang
B Penentangan orang Melayu
C Memenuhi tuntutan golongan radikal
D Kemasukan berterusan kaum imigran
- 10 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah dimeterai pada 21 Januari 1948 di Kuala Lumpur.
Apakah kandungan perjanjian tersebut?
- I Persekutuan bertaraf tanah jajahan
II Dasar pemusatan kuasa dilaksanakan
III Kewarganegaraan secara pendaftaran
IV Pesuruhjaya Tinggi British sebagai ketua kerajaan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

[Lihat halaman sebelah

- 11 Pembunuhan tiga orang pengurus ladang Eropah telah memberi impak yang besar kepada penduduk Tanah Melayu.

Apakah impak tersebut?

- A Pengisytiharan Darurat
- B Pembubaran Kesatuan Sekerja
- C Parti Komunis Malaya diperkenalkan
- D Pasukan keselamatan terus diperkukuhkan

- 12 Maklumat berikut berkaitan pasukan keselamatan yang ditubuhkan oleh British.

Pasukan ini berusaha membantu menyekat pergerakan bekalan makanan dan ubat-ubatan daripada jatuh ke tangan komunis

Pasukan Keselamatan manakah yang dikaitkan dengan pernyataan di atas?

- A Senoi Praaq
 - B Home Guard
 - C Auxilliary Police
 - D Pasukan Askar Melayu
- 13 Apakah ciri-ciri Sistem Ahli yang diperkenalkan pada tahun 1951?
- I Anggotanya dikenali sebagai Menteri
 - II Ahli dilantik oleh Majlis Raja-raja Melayu
 - III Pelantikan Ahli dibuat oleh Gabenor British
 - IV Ahlinya diletakkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi British
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 14 Independence of Malayan Party (IMP) ditubuhkan pada tahun 1951 oleh Dato' Om Jaafar dan Tan Cheng Lock. Apakah tujuan penubuhan parti tersebut?
- A Memperjuangkan keadilan rakyat
 - B Membentuk satu parti bagi semua rakyat
 - C Menyatukan rakyat pelbagai kaum di negara ini
 - D Memperjuangkan kemerdekaan penuh bagi Tanah Melayu

[Lihat halaman sebelah

- 15 Tunku Abd Rahman telah berangkat ke London bersama-sama Tan Cheng Lok, T.H Tan dan Abdul Razak Hussein pada tahun 1954. Nyatakan tujuan rombongan tersebut?
- A Menetapkan tarikh pilihan raya
 - B Menentukan tiga perlima bilangan anggota MPP
 - C Pilihan Raya umum diadakan
 - D Memilih pemimpin negara
- 16 Apakah kesan penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) 1955?
- I Pemansuhan Sistem Ahli
 - II Perkembangan amalan pentadbiran demokrasi
 - III Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri
 - IV Persekutuan Tanah Melayu diisytiharkan merdeka
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 17 Rajah berikut menunjukkan usaha ke arah kemerdekaan Tanah Melayu.

X	Dibentuk pada 8 Mac 1956 untuk membincangkan dan menyusun Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka
----------	--

Apakah X?

- A Perlembagaan Tanah Melayu
- B Suruhanjaya Cobbold
- C Perlembagaan Rakyat
- D Suruhanjaya Reid

[Lihat halaman sebelah

18 Apakah inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?

- I Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen
 - II Keselamatan dalam negeri
 - III Hal ehwal luar negeri
 - IV Kewarganegaraan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

19 Jawatankuasa Sambutan telah dibentuk sebagai persediaan untuk memeriahkan upacara sambutan kemerdekaan negara.

Apakah bentuk persediaan jawatankuasa ini?

- I Memilih lagu kebangsaan
 - II Menganjurkan kursus protokol
 - III Menempah bendera kebangsaan
 - IV Membina tempat sambutan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

20 Negara kita menyertai pertubuhan berikut selepas mencapai kemerdekaan.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">● Komanwel● AMDA |
|---|

Apakah faedah yang diperoleh negara daripada pertubuhan tersebut?

- A Menguatkan pertahanan negara
- B Meningkatkan prasarana ekonomi
- C Menjamin kebebasan pentadbiran
- D Menambah aset negara

[Lihat halaman sebelah

- 21 Malaysia merupakan negara yang mengamalkan sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen.
Bagaimanakah sistem ini dilaksanakan?
A Pemerintahan melalui perwakilan
B Pemerintahan secara realpolitik
C Pemerintahan secara liberal
D Pemerintahan secara mutlak
- 22 Gambar berikut menunjukkan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum.



- Bagaimanakah kerajaan mengekalkan perpaduan kaum tersebut?
A Penubuhan pelbagai parti politik
B Pembinaan perumahan rakyat
C Penguatkuasaan undang-undang
D Penggunaan satu bahasa dan kebudayaan
- 23 Apakah asas penggubalan undang-undang negara kita sebelum kedatangan kuasa Barat?
A Berasaskan adat Melayu
B Berbincang dengan Gabenor
C Berpandukan tradisi tempatan
D Berdasarkan titah raja
- 24 Bagaimanakah Sarawak dan Sabah memperoleh beberapa kuasa autonomi mengikut perlembagaan?
A Penyelarasan kawasan sempadan
B Selepas perang dunia kedua
C Ancaman komunis ditamatkan
D Bergabung dalam Malaysia

[Lihat halaman sebelah

25 Maklumat berikut berkaitan dengan Durbar.

Durbar merupakan sebuah majlis persidangan bagi Raja-raja Melayu negeri Perak, Selangor, Pahang, Negeri Sembilan. Majlis ini dipengerusikan oleh Pesuruhjaya Tinggi British

Apakah yang dibincangkan oleh Durbar dengan pihak British?

- A Pilihan raya negara
- B Undang-undang tempatan
- C Hal ehwal pentadbiran
- D Menuntut kemerdekaan

26 Perlembagaan Persekutuan telah menggariskan peruntukan berkaitan dengan kebebasan asasi.

Apakah bukti negara kita mengamalkan kebebasan asasi dalam beragama?

- I Menganjurkan aktiviti agama secara tertutup
 - II Membenarkan sikap diskriminasi terhadap agama lain
 - III Menjadikan agama Islam sebagai agama Persekutuan
 - IV Mengizinkan penganut agama lain mengamalkan agama masing-masing
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

27 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan pentadbiran Kerajaan Malaysia.

- Membangunkan perumahan awam
- Menyediakan perkhidmatan kecemasan

Apakah peringkat pentadbiran yang menjalankan peranan tersebut?

- A Kerajaan Pusat
- B Kerajaan Tempatan
- C Kerajaan Daerah
- D Kerajaan Negeri

[Lihat halaman sebelah

- 28 Maklumat berikut berkaitan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam usaha membuka kawasan yang lebih luas di beberapa buah negeri.

Agensi	Negeri
KEJORA	Johor

Mengapakah tindakan tersebut dilakukan?

- A Menjaga kawalan sempadan
 - B Membangunkan wilayah baharu
 - C Menghapuskan kemiskinan bandar
 - D Meningkatkan pembangunan industri
- 29 Apakah cadangan Tunku Abdul Rahman terhadap idea pembentukan Malaysia?
- A Menggabungkan Tanah Melayu dengan Indonesia
 - B Mengasingkan Singapura dalam pembentukan Malaysia
 - C Mengasingkan Sabah dan Sarawak dalam pembentukan Malaysia
 - D Menggabungkan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei
- 30 Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM) ditubuhkan pada 23 Julai 1961 semasa Persidangan Ahli-ahli Parlimen Komanwel di Singapura.
- Apakah tujuan penubuhan jawatankuasa tersebut?
- A Mengumpul pandangan tentang pembentukan Malaysia
 - B Menyedia rangka perlembagaan Persekutuan Malaysia
 - C Mencadangkan kuasa autonomi kepada Sabah dan Sarawak
 - D Mengekalkan kuasa imigresen kepada Sabah dan Sarawak
- 31 Masalah hubungan antara pemimpin Persekutuan dengan Singapura disebabkan faktor politik, ekonomi dan sosial yang telah ada sebelum Singapura menyertai Malaysia.
- Apakah faktor ekonomi yang mendorong pemisahan Singapura dari Malaysia?
- A Berlaku rusuhan kaum
 - B Ancaman komunis di Singapura
 - C Konflik antara parti PAP dan Perikatan
 - D Singapura tidak puas hati terhadap tambahan cukai

[Lihat halaman sebelah

- 32 Gambar berikut berkaitan dengan peristiwa pembunuhan anggota keselamatan oleh Parti Komunis Malaya (PKM) pada 7 Jun 1974 dan 13 November 1975.



- Bagaimanakah pihak keselamatan menangani peristiwa tersebut?
- Strategi Counterinsurgency (COIN)
 - Menangkap anggota Parti Komunis Malaya
 - Kerajaan mengisytiharkan darurat
 - Melaporkan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)
- 33 Apakah usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk memartabatkan bahasa kebangsaan?
- Mewajibkan semua rakyat bertutur bahasa Melayu
 - Bilangan guru terlatih dan guru khas ditambah
 - Minggu dan Bulan Bahasa Kebangsaan diadakan
 - Bahasa Melayu merupakan bahasa ilmu di UPM
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

[Lihat halaman sebelah

- 34 Gambar berikut adalah logo 1 Murid 1 Sukan yang diperkenalkan dalam aktiviti kokurikulum sekolah.



- Mengapakah dasar tersebut diperkenalkan di peringkat sekolah?
- A Memupuk semangat kesukanan yang tinggi dalam diri murid
 - B Menggalakkan murid pelbagai kaum melibatkan diri dalam sukan
 - C Mengadakan pelbagai acara pertandingan sukan mengikut kaum
 - D Melahirkan atlet berkaliber mengikut kategori kaum dan umur
- 35 Penduduk di bandar menghadapi kemiskinan disebabkan pendapatan yang rendah dan masalah perumahan.
- Apakah dasar yang dilaksanakan di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) bagi mengatasi masalah tersebut?
- I Melaksanakan subsidi
 - II Memberi kemudahan kredit
 - III Menyediakan kemudahan asas
 - IV Memajukan perindustrian dan perniagaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 36 Kerajaan meneruskan usaha untuk menghapuskan kemiskinan tegar dalam kalangan pelbagai kaum khasnya golongan bumiputera.
- Bagaimana usaha tersebut boleh membantu golongan belia?
- A Pemberian bantuan kewangan
 - B Pendidikan di Kolej Vokasional
 - C Latihan di Pusat Latihan Giatmara
 - D Lawatan ke kawasan industri ringan

[Lihat halaman sebelah

37 Padanan manakah yang **betul** berkaitan dengan faktor dasar luar Malaysia?

Faktor		Huraian
A	Kepimpinan	Berbaik-baik dengan negara jiran
B	Keperluan Nasional	Tiada hubungan
C	Ikatan Sejarah	Negara menyertai Komanwel
D	Persekitaran luar	Perang Dunia Pertama

38 Malaysia memberi komitmen dan kerjasama yang penuh kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Hal ini sejajar dengan pendirian Malaysia dalam soal antarabangsa.

Apakah pendirian Malaysia?

- A Dasar tidak campur tangan
- B Perpaduan kaum asas kemajuan
- C Ekonomi maju rakyat sejahtera
- D Hidup bersama secara aman

39 Pada tahun 1962, persefahaman antara Malaysia, Filipina dan Indonesia telah mewujudkan MAPHILINDO.

Apakah tujuan penubuhan MAPHILINDO?

- A Menjalin kerjasama ekonomi
- B Menangani ancaman Komunis
- C Menyelesaikan isu penubuhan Malaysia
- D Mewujudkan kerjasama kebudayaan

40 Rajah berikut berkaitan isu global yang dihadapi oleh Malaysia pada masa kini.

- | |
|--|
| <p>Isu Global Kontemporari</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Penyalahgunaan Dadah ● Pertindihan Sempadan ● X |
|--|

Apakah X?

- A Ancaman komunis
- B Kempen Antiminyak Sawit
- C Perang Dingin
- D Perjuangan rakyat Palestin

KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT